



**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG  
DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 9/2023**

**21 SEPTEMBER 2023 | KHAMIS**

**10.30 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi**  
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj  
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**  
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ketua-ketua WHIP,**  
Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**  
Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.9/2023** bagi bulan **September** pada pagi yang berbahagia ini.

## 1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 31 Ogos 2023, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa Tahun 2023 sebanyak **87.6 juta (76.32%)** daripada **RM 114.78 juta**.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak **RM 8.7 juta (72.72%)** berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 12 juta.

## 2. NOTIS (BORANG E) DAN BIL CUKAI TAKSIRAN

- 2.1 Setelah tamat tempoh bayaran cukai taksiran penggal 2/2023 pada 31 Ogos 2023, pihak Majlis telah memproses notis cukai taksiran (Borang E) kepada akaun yang masih mempunyai tunggakan. Sebanyak **72,117 akaun** telah diproses notis cukai taksiran dengan caj lewat sebanyak RM20.00. Notis ini akan tamat pada **15 Oktober 2023**. Tindakan waran tahanan dengan caj sebanyak RM100 akan dikenakan kepada akaun yang masih mempunyai tunggakan setelah tamat notis.

2.2 MPS juga telah memulakan proses tindakan sitaan / rampasan harta alih bermula pada 1 Julai 2023, iaitu setelah tamat tempoh penghantaran waran tahanan. Sebanyak **2,198 akaun** telah dibuat tindakan sitaan bagi akaun yang warannya berjaya diserahkan.

2.3 Majlis juga sedang mengadakan kempen bayaran cukai taksiran melalui dalam talian (online) iaitu Mymps, Lazada, Shopee dan Cemas bermula Januari 2023.

### **3. PERBAHARUI DAN BAYAR LESEN PERNIAGAAN DI PORTAL MYMPS**

3.1 Selain itu, dalam dunia serba digital ini, untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan, MPS telah menaikkan portal MyMPS untuk pelanggan melaksanakan transaksi dengan lebih mudah. Pelanggan MPS boleh membuat memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan dan perancang serta kompaun di pautan <https://mymps.mps.gov.my>.

3.2 Pada Ogos 2023, jumlah kutipan yang diterima adalah sebanyak **RM 398,336.35** iaitu **3,269 transaksi** meliputi

bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan dan perancang serta kompaun.

---

*(Perincian untuk rujukan)*

	<b>Lesen Perniagaan</b>	<b>Sewaan Gerai</b>	<b>Permit Bangunan dan Perancang</b>	<b>Kompaun</b>
<b>Transaksi</b>	121	798	10	2,340
<b>Jumlah</b>	RM 85,422.81	RM268,078.54	RM 3,295.00	RM 32,540.00

#### **4. PORTAL MY-ESIM**

4.1 Dalam usaha untuk mengurangkan tunggakan hasil, MPS telah mengadakan sekatan ke atas rangkaian Sistem Integrasi Majlis dengan mewujudkan satu portal semakan bil-bil di MPS melalui portal MY-ESIM mulai 1 Mac 2022. Setiap Jabatan dikehendaki menggunakan portal MY-ESIM tersebut bagi menyemak tunggakan hasil di MPS sebelum memproses setiap permohonan yang diterima di jabatan.

- 4.2 Untuk makluman, kutipan yang diterima hasil semakan melalui portal MY-ESIM dari **1 Mac 2022** hingga **31 Ogos 2023** adalah sebanyak **RM25.23 juta** dari keseluruhan jumlah tunggakan sewaktu carian sebanyak **RM89.74 juta**.
- 4.3 Bagi memudahkan semakan orang awam, MPS juga telah membuka portal MY-ESIM ini kepada orang awam untuk semakan sendiri bermula 15 Julai 2023. Untuk makluman, sejak dibuka kepada orang awam, sehingga 19 September 2023, seramai 23 pemilik yang telah menggunakan portal MY-ESIM untuk tujuan pembayaran dengan jumlah kutipan sebanyak **RM29,078.80**.
- 4.4 Kepada pemilik yang ingin menghantar sebarang permohonan di MPS, tunggakan hasil boleh disemak terlebih dahulu di MY-ESIM dan seterusnya membuat bayaran. MPS hanya menerima permohonan sekiranya Sijil ESIM iaitu sijil yang menunjukkan tiada tunggakan hasil dikemukakan kepada jabatan yang akan memproses permohonan pemilik

## **5. SUKAN KOMUNITI SELAYANG (SUKOMSEL)**

- 5.1 Seterusnya, saya ingin memaklumkan Karnival Sukan Komuniti Selayang (SUKOMSEL) akan diadakan pada

7 dan 8 Oktober 2023 setelah dua tahun tidak diadakan akibat pandemik yang melanda negara kita. SUKOMSEL merupakan program berbentuk pertandingan sukan yang melibatkan 24 Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPS di mana setiap zon JKP akan menghantar satu pasukan bagi setiap acara sukan yang dipertandingkan. Ini merupakan penganjuran kali ke-6 oleh MPS bersempena Sambutan Hari Sukan Negara.

5.2 Antara sukan yang akan dipertandingkan pada SUKOMSEL ini adalah Futsal, Bola Jaring, Badminton dan Tenpin Boling. Saya berharap SUKOMSEL ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada setiap zon JKP dan kita dapat melahirkan pemain-pemain yang berkebolehan atau bakat-bakat baharu bagi pelapis untuk mewakili Daerah Gombak mahupun Negeri Selangor ke pertandingan-pertandingan sukan yang diadakan pada masa akan datang.

## **6. TAHNIAH PASUKAN PING PONG DAN GOLF MPS BAGI SUKANUN KALI-KE 12**

6.1 Saya ingin memanjangkan rasa bangga saya terhadap pasukan ping pong dan golf yang telah dinobatkan

sebagai Johan dan Naib Johan bagi kedua-kedua kategori sukan yang dipertandingkan di SUKANUN kali ke-12 di UiTM Arau Perlis pada 3 hingga 10 September yang lalu.

- 6.2 Hasil usaha dan kerjasama berpasukan anda semua akhirnya telah membuahkan hasil yang setimpal. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada para atlet yang telah mengharumkan nama MPS. Anda semua memang terbaik.

## **7. SELAMAT MENYAMBUT MAULIDUR RASUL**

- 7.2 Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Salam Maulidur Rasul. Sama-sama kita berselawat ke atas Baginda dan mengamalkan sifat terpuji Baginda dalam kehidupan seharian demi keredaan Allah SWT.
- 7.3 Perbanyakkanlah berselawat kepada baginda Nabi Muhammad SAW. Semoga dengannya kita memperoleh syafaat baginda di akhirat kelak.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.